

# Serangan turut jejas ekonomi Malaysia

BH 3 OCT 2007

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, serangan nekad ke atas Amerika Syarikat pada 11 September lalu, menjejaskan ekonomi negara kerana negara itu menyumbang 20 peratus daripada pasaran perdagangan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, belum pun pulih sepenuhnya daripada krisis kegawatan ekonomi yang melanda negara dan rantau Asia pada 1997, ekonomi negara terus dilanda kemelut dengan kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat dan yang terbaru, serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC)

di New York dan Pentagon, Washington.

Sebagai sebuah negara perdagangan, katanya, Malaysia sudah pasti terjejas dengan perkembangan itu, lebih-lebih lagi apabila 20 peratus daripada perdagangan Malaysia dijalankan dengan negara berkenaan.

Keadaan itu bagaimanapun, katanya, tidak akan menjejaskan Wawasan 2020 Malaysia, yang antara lain untuk menjadi negara maju, cuma usaha harus dipergiat untuk meningkatkan Keluaran Negara Kasar (KNK) melebihi tujuh peratus dalam tempoh 10 tahun pertama.

Namun, Perdana Menteri

berkata, cabaran utama yang dihadapi negara ketika ini ialah untuk mengekalkan kestabilan politik dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

“Kita tidak boleh memandang remeh perkara ini. Hanya dengan keharmonian rakyat dan kestabilan politik, kita dapat menikmati pembangunan ekonomi,” katanya dalam wawancara dalam program In Conversation terbitan TV3 bersama tiga stesen televisyen Asia Tenggara.

Mengulas perkembangan ekstrimis seperti Al-Ma’uanah, Kumpulan Mujahidin atau Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Dr Maha-

thir mengakui pergerakan seumpama itu akan mencekus ketidakstabilan dalam negara jika kegiatan mereka diterima ramai.

Perdana Menteri berkata, keghairahan parti pembangkang untuk menubuhkan negara Islam sekali gus menolak hakikat bahawa Malaysia sememangnya sebuah negara Islam, sedikit sebanyak menyumbang kepada perbuatan ganas kumpulan terbabit.

“Parti pembangkang terus menafikan hakikat bahawa negara ini ialah sebuah negara Islam. Keadaan ini menyebabkan segelintir ekstrimis di dalam kumpulan mereka sendiri percaya, ke-

ganasan adalah satu-satunya cara untuk mencapai matlamat ini.

“Oleh itu, mereka menubuhkan kumpulan, dengan matlamat untuk menggulingkan kerajaan sedia ada dan menubuhkan negara Islam. Jika mereka mencuba berbuat demikian di negara pelbagai kaum seperti Malaysia, yang mana masyarakat Islam hanya 60 peratus daripada jumlah penduduk, sudah pasti akan wujud ketistabilan,” katanya.

Ditanya mengenai tempoh ideal untuk seseorang pemimpin menerajui negara, Perdana Menteri berkata: “Banyak negara khawatir pemimpin akan menjadi dikta-

tor jika memegang jawatan terlalu lama. Tetapi, jika mereka diberi tempoh yang pendek untuk memerintah, katakan tempoh empat tahun untuk satu penggal, dia tidak berpeluang berbuat apa-apa.

“Tidak banyak yang boleh dicapai dalam satu penggal mahu pun dua penggal. Saya sendiri, hanya selepas lima tahun, baru saya dapat menunjukkan hasil daripada perancangan awal selain memahami keadaan yang berlaku,” katanya sambil menambah setiap rakyat berhak menentukan sama ada mahu mengekalkan pemimpin sedia ada atau sebaliknya.